

09/12/1997

Kerajaan Selangor mahu temui kontraktor

PETALING JAYA, Isnin - Kerajaan Selangor akan mengadakan pertemuan dengan kontraktor yang menjalankan kerja pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar Selangor di Bukit Megawati dekat sini, bagi mengetahui lebih lanjut jumlah sebenar kos pengubahsuaian.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata walaupun kerajaan negeri meluluskan peruntukan RM5 juta bagi kerja pengubahsuaian itu pada Julai lalu, tidak semestinya pembayaran sebanyak itu dibuat kepada kontraktor.

"Kita akan menemui kontraktor terbabit untuk berbincang dan mengetahui lebih lanjut mengenai jumlah sebenar kos pengubahsuaian kediaman rasmi itu sebelum pembayaran dibuat.

"Walaupun kita sudah meluluskan peruntukan RM5 juta, tidak semestinya kerajaan negeri akan membuat pembayaran sebanyak itu kepada kontraktor," katanya kepada pemberita selepas melancarkan projek perumahan `Saujana Utama' di Ijok, Kuala Selangor di Restoran Kelana Mutiara di sini, hari ini.

Turut hadir Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Zainal Dahalan, Datuk Tang Seng Hang dan Dr Pius Martin.

Mengenai laporan terperinci berhubung peruntukan RM5 juta untuk pengubahsuaian kediaman rasmi itu yang akan dihantar ke Jabatan Perdana Menteri, Jumaat lalu, beliau berkata, laporan sudah dihantar.

"Laporan terperinci yang dimaksudkan sudah dihantar, malah saya sendiri akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak lama lagi," katanya.

Rabu lalu, akhbar ini melaporkan sebanyak RM5 juta diperuntukkan untuk mengubahsuai kediaman rasmi Menteri Besar Selangor di Bukit Megawati di sini, membabitkan kerja dalaman dan luaran, pemasangan elektrik dan menambah bilik pekerja.

(END)